



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
*The National University of Malaysia*

## GARIS PANDUAN AKTIVITI PENYELIDIKAN SEBAGAI LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN WABAK COVID-19 (VERSI 2.0)

### 1.0 TUJUAN

- 1.3 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tentang tatacara pelaksanaan aktiviti penyelidikan mulai 10 Jun 2020 sebagai rujukan dan panduan kepada Ketua Jabatan dan penyelidik. Garis panduan ini terbahagi kepada enam (6) bahagian iaitu:
- 1.3.1 Definisi
  - 1.3.2 Tanggungjawab
  - 1.3.3 Garis Panduan Mengadakan dan Menghadiri Aktiviti Penyelidikan
  - 1.3.4 Garis Panduan Penyelidikan di Makmal
  - 1.3.5 Garis Panduan Kerja Lapangan
  - 1.3.6 Garis Panduan Penyeliaan dan Lain-lain Urusan Penyelidikan

### 2.0 DEFINISI

- 2.1 Penyelidik  
Penyelidik termasuk kumpulan Pensyarah, Pengurusan & Profesional, Pelaksana, Penyelidik Pasca Doktorat dan Pelajar yang menjalankan aktiviti penyelidikan.
- 2.2 Aktiviti Penyelidikan
- 2.2.1 Penyelidik adalah **DIBENARKAN** untuk membuat penyelidikan di makmal/lapangan, mengadakan/menghadiri aktiviti penyelidikan, penyeliaan dan lain-lain urusan penyelidikan mengikut garis panduan ini tertakluk kepada kelulusan Ketua PTj (Sila rujuk Perkara 3.2).

2.2.2 Dalam pelaksanaan ini, pendirian UKM adalah selari dengan Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 7 Jun 2020, di mana Universiti Kebangsaan Malaysia menyambut baik pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berkuatkuasa mulai 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020.

2.2.3 Bagi tujuan melaksanakan perkara 2.2.2, Ketua PTj hendaklah mengadakan perbincangan di peringkat PTj masing-masing untuk menyusun semula aktiviti penyelidikan yang perlu dijalankan.

### 2.3 Makmal

Makmal dalam konteks garis panduan ini merangkumi semua makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran untuk tujuan penyelidikan dan pengajaran dalam bidang Sains Hidup, Perubatan, Kimia, Fizikal, ICT dan bidang-bidang yang lain. Pensyarah, Pengurusan & Profesional, Pelaksana adalah dibenarkan untuk memasuki makmal untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dengan syarat mematuhi garis panduan ini.

### 2.4 Lapangan

Lapangan dalam konteks garis panduan ini merangkumi tapak kajian, tempat awam dan mana-mana premis atau lokasi yang berkaitan untuk tujuan penyelidikan dan pengajaran seperti pengambilan sampel, analisis *on-site*, soal selidik, temu bual, forum, perbincangan fokus berkumpulan dan sebagainya. Pergerakan ke lapangan adalah dibenarkan. Namun, penyelidikan adalah digalakkan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan seperti soal selidik, temu bual, forum, perbincangan berkumpulan secara atas talian.

## 3.0 TANGGUNGJAWAB

### 3.1 Tanggungjawab CRIM

3.1.1 Menkuatkuasa peraturan-peraturan menjalankan aktiviti penyelidikan bagi memastikan penyelidik mematuhi.

3.1.2 Memastikan PTj dapat menjalankan aktiviti penyelidikan dan tidak menjejaskan penghasilan output penyelidikan.

3.1.3 Dalam keadaan apa pun, pihak CRIM sentiasa bersedia bertindak sekiranya terdapat arahan/perintah baharu oleh Kerajaan atau pihak berkuasa yang berkenaan selaras dengan perkembangan terkini wabak COVID-19.

- 3.2 Tanggungjawab Ketua PTj
  - 3.2.1 Ketua PTj adalah bertanggungjawab dalam membuat pertimbangan kelulusan kepada warga PTj masing-masing dalam tempoh PKP dilaksanakan. Manakala selepas pelaksanaan tempoh PKP, kemasukan warga PTj ke makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran tidak perlu lagi mendapatkan kelulusan Ketua PTj. Namun demikian, Ketua PTj masih bertanggungjawab sepenuhnya dalam membuat pemantauan rapi terhadap pematuhan warga PTj kepada peraturan-peraturan keselamatan dan perlindungan diri yang ditetapkan dalam mengelak penularan Wabak COVID-19 ini.
  - 3.2.2 Ketua PTj adalah bertanggungjawab untuk merancang semua aktiviti penyelidikan di mana-mana termasuk makmal dan lapangan di bawah kawalan masing-masing dan melaporkan kepada UKM sekiranya penyelidik mempunyai gejala jangkitan dan kurang sihat semasa menjalankan aktiviti penyelidikan.
  - 3.2.3 Ketua PTj adalah bertanggungjawab untuk memastikan agar aktiviti penyelidikan dijalankan adalah selamat dan tidak terdedah kepada risiko jangkitan wabak COVID-19, termasuk penjarakan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter), pemakaian penutup muka, penutup hidung dan mulut, sarung tangan dan lain-lain peralatan perlindungan yang berkaitan dalam memantau gejala jangkitan COVID-19.
  - 3.2.3 Ketua PTj adalah bertanggungjawab untuk memastikan senarai lengkap setiap penyelidik yang hadir untuk aktiviti penyelidikan (bilangan orang, nama, tarikh, masa (masuk dan keluar), tempat dan lain-lain butiran yang berkenaan). Rekod hendaklah disimpan untuk memudahkan penjejakan kontak sekiranya diperlukan.
  - 3.2.4 Ketua PTj adalah bertanggungjawab untuk memantau aktiviti penyelidikan, termasuk prestasi dan output penyelidikan dari semasa ke semasa untuk keberlangsungan penyelidikan.
- 3.3 Tanggungjawab ketua/kurator/pengurus makmal
  - 3.3.1 Ketua/kurator/pengurus makmal perlu menyediakan peraturan, garis panduan dan infografik SOP di makmal mengikut kesesuaian makmal masing-masing berasaskan garis panduan Aktiviti Penyelidikan CRIM (Versi 2.0) ini. Contoh Infografik dilampirkan.

- 3.3.1 Ketua/kurator/pengurus makmal perlu merancang penggiliran penyelidik yang berkerja dalam makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran.
  - 3.3.3 Ketua/kurator/pengurus makmal perlu memastikan penjarakan sosial yang bersesuaian dengan keluasan makmal adalah dipatuhi.
  - 3.4.4 Ketua/kurator/pengurus makmal perlu memastikan proses penyahjangkitan (Disinfeksi) dilakukan dalam makmal mengikut selang masa yang bersesuaian.
- 3.4 Tanggungjawab Penyelidik
- 3.3.1 Penyelidik hendaklah sentiasa mematuhi semua peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh UKM dan Ketua PTj dalam menjalankan aktiviti penyelidikan mengikut peraturan dan garis panduan penyelidikan di makmal sebagaimana yang dinyatakan pada Perkara 5.0 garis panduan ini.
  - 3.3.2 Dalam tempoh pelaksanaan PKP, Penyelidik perlu memohon dan mendapatkan kelulusan Ketua PTj sebelum memasuki makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran. Kelulusan tidak perlu diperoleh lagi sekiranya arahan PKP telah tamat dan rutin kerja kembali seperti biasa.

#### **4.0 GARIS PANDUAN MENGADAKAN DAN MENGHADIRI AKTIVITI PENYELIDIKAN**

##### **4.1 Mengadakan Aktiviti Penyelidikan**

- 4.1.1 Ketua PTj adalah bertanggungjawab untuk merancang di peringkat PTj bersama penganjur dalam mengadakan aktiviti penyelidikan seperti penganjuran persidangan, seminar, bengkel, forum, perbincangan fokus berkumpulan dan sebagainya. Namun begitu, penganjur adalah digalakkan untuk menganjurkan aktiviti penyelidikan secara alternatif iaitu secara atas talian.
- 4.1.2 CRIM adalah PTj yang bertanggungjawab untuk menyemak kesesuaian dan memberi kelulusan penganjuran aktiviti penyelidikan dengan mengambil kira anggaran bilangan peserta, tarikh, masa (mula dan tamat), tempat dan lain-lain butiran yang berkenaan.

- 4.1.3 Selepas mendapat kelulusan daripada CRIM, penganjur perlu memastikan semua prosedur dan langkah kawalan keselamatan dipatuhi serta turut memastikan pengudaraan premis/lokasi penyelidikan termasuk dewan/bilik seminar/bilik bengkel/bilik mesyuarat berfungsi dengan baik.
- 4.1.4 Penganjur perlu memastikan premis/lokasi penyelidikan dalam keadaan bersih dan telah nyahkuman/disinfeksi di permukaan yang mudah dicemari sebelum dan selepas mengadakan aktiviti penyelidikan.
- 4.1.5 Penganjur disarankan untuk menyediakan penutup mulut dan hidung, *hand sanitizer* serta kertas tisu kepada peserta. Penganjur juga perlu menyediakan tempat pelupusan penutup mulut dan hidung serta kertas tisu yang sesuai.
- 4.1.6 Semua peserta seharusnya memakai penutup mulut dan hidung setiap masa serta menggunakan *hand sanitizer* yang disediakan.
- 4.1.7 Penganjur hendaklah mengambil kedatangan dan rekod bacaan suhu (<37.5°C) setiap peserta serta memastikan semua peserta menggunakan *hand sanitizer* di pintu masuk sebelum memasuki premis/lokasi penyelidikan.
- 4.1.8 Peserta yang mempunyai gejala demam, batuk, sakit tekak dan sesak nafas adalah tidak dibenarkan masuk ke premis/lokasi penyelidikan.
- 4.1.9 Maklumat berkaitan COVID-19 dipaparkan secara jelas di premis/lokasi penyelidikan dan dimaklumkan kepada peserta sebagai langkah kesedaran.
- 4.1.10 Peserta perlu mengamalkan penjarakan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter) dengan peserta lain dan tiada sentuhan/bersalaman dibenarkan.
- 4.1.11 Waktu rehat dan solat perlu dilakukan secara berjadual atau bergilir. Peserta seharusnya menggunakan barangan solat sendiri seperti sejadah, kain telekung dan tidak berkongsi dengan pengguna lain.
- 4.1.12 Penyertaan peserta antarabangsa adalah tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan UKM dari semasa ke semasa.
- 4.1.13 CRIM berhak membuat perubahan dari semasa ke semasa dan berhak untuk mengambil tindakan atas sebarang ketidakpatuhan.

## **4.2 Menghadiri Aktiviti Penyelidikan**

- 4.2.1 Ketua PTj adalah bertanggungjawab untuk merancang kehadiran penyelidik ke aktiviti penyelidikan seperti penganjuran persidangan, seminar, bengkel, forum, perbincangan fokus berkumpulan dan sebagainya. Namun begitu, penyelidik adalah digalakkan untuk menghadiri aktiviti penyelidikan secara alternatif iaitu secara atas talian.
- 4.2.2 CRIM adalah bertanggungjawab untuk menyemak kesesuaian dan memberi kelulusan kehadiran aktiviti penyelidikan dengan mengambil kira anggaran bilangan peserta, tarikh, masa (mula dan tamat), tempat dan lain-lain butiran yang berkenaan.
- 4.2.3 Selepas mendapat kelulusan daripada CRIM, penyelidik perlu memastikan semua prosedur dan langkah kawalan keselamatan adalah dipatuhi.
- 4.2.4 Penyelidik seharusnya memakai penutup mulut dan hidung pada setiap masa serta menggunakan *hand sanitizer* yang disediakan oleh penganjur.
- 4.2.5 Penyelidik perlu mengamalkan penjarakan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter) dan tiada sentuhan/bersalaman dibenarkan.
- 4.2.6 Penyelidik tidak digalakkan untuk menghadiri aktiviti penyelidikan jika terdapat gejala seperti demam, batuk, sakit tekak dan sesak nafas.
- 4.2.7 Penyelidik seharusnya mematuhi waktu rehat dan solat yang ditetapkan oleh penganjur. Penyelidik seharusnya menggunakan barangan solat sendiri seperti sejadah, kain telekung dan tidak berkongsi dengan pengguna lain.
- 4.2.8 Kehadiran aktiviti penyelidikan di luar negara adalah tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan UKM dari semasa ke semasa.
- 4.2.9 CRIM berhak membuat perubahan dari semasa ke semasa dan berhak untuk mengambil tindakan atas sebarang ketidakpatuhan.

## 5.0 GARIS PANDUAN PENYELIDIKAN DI MAKMAL

- 5.1 Semua penyelidikan dan pengajaran di makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran dalam bidang Sains Hidup, Perubatan, Kimia, Fizikal, ICT dan sebagainya adalah tertakluk kepada garis panduan ini.
- 5.2 Ketua PTj adalah bertanggungjawab untuk merancang kehadiran staf dan pelajar ke makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran dengan mengambil kira lokasi, saiz lokasi, tarikh dan masa (masuk dan keluar), tujuan berada di makmal, bilangan dan senarai nama yang berada di makmal.
- 5.3 Ketua/kurator/pengurus makmal adalah dinasihati untuk mengatur jadual masa kemasukan ke makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran dan mengambil rekod kemasukan staf dan pelajar bagi tujuan pemantauan pergerakan dalam makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran.
- 5.4 Semua makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran seharusnya mengadakan kawalan bilangan staf dan pelajar yang berada dalam ruang yang sama pada sesuatu masa. Bilangan staf dan pelajar adalah terhad dan bergantung kepada kapasiti ruang, digalakkan seorang per 1.3 meter persegi untuk tujuan penjarakan sosial. Lebihan daripada seorang per 1.3 meter persegi pada sesuatu masa perlu mendapat kelulusan daripada ketua/kurator/pengurus makmal dengan justifikasi keperluan yang kritikal. Ketua/kurator/pengurus makmal perlu menyediakan peraturan, garis panduan dan infografik SOP di makmal mengikut kesesuaian makmal masing-masing berasaskan garis panduan Aktiviti Penyelidikan CRIM ini (Contoh Infografik dilampirkan).
- 5.5 Semua makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran perlu memastikan pengudaraan berfungsi dan diselenggara dengan baik. Semua makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran seharusnya dibuat penyahkuman (disinfeksi) pada permukaan yang mudah dicemari kuman seperti meja, kerusi, tombol, peralatan dan lain-lain yang berkaitan sekurang-kurangnya dua kali sehari iaitu sebelum dan selepas aktiviti penyelidikan dan pengajaran dijalankan.
- 5.6 Semua makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran perlu menyediakan penutup mulut dan hidung, *hand sanitizer* serta kertas tisu kepada staf dan pelajar. Ketua/kurator/pengurus makmal juga perlu menyediakan tempat pelupusan penutup mulut dan hidung serta kertas tisu yang sesuai. Maklumat berkaitan COVID-19 dipaparkan secara jelas di premis/lokasi penyelidikan dan dimaklumkan kepada peserta sebagai langkah kesedaran.

- 5.7 Semua staf dan pelajar perlu membuat saringan kesihatan sendiri dengan mengukur suhu badan (<37.5°C) sebelum memasuki makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran. Semua staf dan pelajar seharusnya memakai penutup mulut dan hidung, cermin mata, sarung tangan, kot makmal setiap masa serta menggunakan *hand sanitizer* yang disediakan.
- 5.8 Sekiranya terdapat gejala seperti demam, batuk, sakit tekak dan sesak nafas semasa menjalankan kerja penyelidikan, semua aktiviti penyelidikan harus dihentikan. Staf dan pelajar yang terlibat wajib hadir ke Pusat Kesihatan untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan. Sekiranya didapati kes COVID-19 positif, makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran tersebut akan ditutup dan dijalankan penyahkuman (disinfeksi) serta-merta. Pembukaan semula makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran atas arahan KKM.
- 5.9 Sebelum menjalankan aktiviti penyelidikan, semua sampel yang dibawa masuk dari luar dan dalam kampus seharusnya dijalankan penyahkuman (disinfeksi) semana yang boleh. Semua peralatan penyelidikan seharusnya dijalankan penyahkuman (disinfeksi) sebelum dan selepas penggunaan.
- 5.10 Semasa menjalankan aktiviti penyelidikan di makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran, pastikan kontak yang minimum dengan permukaan mana-mana bahagian dalam makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran.
- 5.11 Pengajaran, taklimat serta perbualan seharusnya dibuat dengan mengamalkan penjarakan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter) dan mengelakkan berada di tempat yang sempit.
- 5.12 Staf dan pelajar adalah dilarang membawa makanan, minuman atau barang persendirian ke makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran untuk mengelakkan jangkitan bersilang. Staf dan pelajar dinasihatkan membawa barang-barang keperluan aktiviti penyelidikan sahaja semasa masuk dan keluar dari makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran.
- 5.13 Untuk makmal sains hidup dan perubatan kursusnya, segala garis panduan biokeselamatan dan piawaian perlu dipatuhi semasa menggunakan ruang dan pengendalian sampel serta peralatan bagi mengelakkan kontaminasi bersilang dan jangkitan kepada manusia. Penyelidik adalah disarankan untuk merujuk kepada pandangan dan panduan *Animal Ethics Committee* dan *Human Ethics Committee*.



- 5.14 Setelah selesai menjalankan aktiviti penyelidikan di makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran, penutup mulut dan hidung serta sarung tangan harus dibuang pada tempat lupus khas yang disediakan, cermin mata dan kot makmal serta semua permukaan meja, kerusi, tombol, peralatan dan lain-lain perlu dijalankan penyahkuman (disinfeksi) serta-merta. Semua staf dan pelajar wajib mencuci tangan dengan *hand sanitizer* sebelum meninggalkan makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran.
- 5.15 Semua aktiviti penyelidikan di makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran adalah tertakluk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh CRIM dari semasa ke semasa. Sekiranya garis panduan ini tidak dipatuhi, staf atau pelajar dilarang untuk hadir ke makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran untuk suatu tempoh masa yang akan ditentukan oleh CRIM.

## **6.0 GARIS PANDUAN KERJA LAPANGAN**

- 6.1 Semua kerja lapangan termasuk pengambilan sampel, analisis *on-site*, soal selidik, temu bual, forum, perbincangan berkumpulan dan sebagainya di tapak kajian, tempat awam dan mana-mana premis atau lokasi yang berkaitan untuk tujuan penyelidikan dan pengajaran adalah tertakluk kepada garis panduan ini.
- 6.2 Ketua PTj adalah bertanggungjawab untuk merancang pergerakan ke tapak kajian, tempat awam dan mana-mana premis atau lokasi yang berkaitan untuk pengambilan sampel, analisis *on-site*, soal selidik, temu bual, forum, perbincangan berkumpulan dan sebagainya dengan mengambil kira lokasi, saiz lokasi, tarikh dan masa kerja lapangan, tujuan kerja lapangan, bilangan dan senarai nama yang berada di lapangan.
- 6.3 CRIM adalah bertanggungjawab untuk menyemak kesesuaian dan memberi kelulusan kerja lapangan dengan mengambil kira lokasi, saiz lokasi, tarikh dan masa kerja lapangan, tujuan kerja lapangan, bilangan dan senarai nama yang berada di lapangan.
- 6.4 Kerja lapangan seperti pengambilan sampel, analisis *on-site* dan sebagainya hanya boleh dijalankan dengan memastikan kawasan kerja lapangan adalah bukan kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.
- 6.5 Kerja lapangan seperti soal selidik, temu bual, forum, perbincangan berkumpulan adalah digalakkan untuk dijalankan secara alternatif iaitu secara atas talian.
- 6.6 Selepas mendapat kelulusan daripada CRIM, penyelidik perlu memastikan semua prosedur dan langkah kawalan keselamatan dipatuhi.

- 6.7 Penyelidik perlu membuat saringan kesihatan sendiri dengan mengukur suhu badan (<37.5°C) sebelum bertolak dan bermula kerja lapangan. Sekiranya terdapat gejala seperti demam, batuk, sakit tekak dan sesak nafas semasa menjalankan kerja lapangan, semua kerja lapangan harus dihentikan. Penyelidik yang terlibat wajib hadir ke Pusat Kesihatan untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan. Sekiranya didapati kes COVID-19 positif, penyelidik yang terlibat akan melalui proses kuarantin dengan serta-merta.
- 6.8 Semasa menjalankan kerja lapangan, penyelidik seharusnya memakai penutup mulut dan hidung pada setiap masa serta menggunakan *hand sanitizer*.
- 6.9 Penyelidik perlu mengamalkan penjarakan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter) dengan responden atau informan dan tiada sentuhan/bersalaman dibenarkan. Penyelidik dinasihatkan untuk mengatur perjumpaan dalam kumpulan kecil (kurang daripada 10 orang dengan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter) pada satu masa yang sama.
- 6.10 Sampel yang diperoleh di lapangan seharusnya dibuat penyahkuman (disinfeksi) semasa yang boleh sebelum dibawa balik ke makmal/bengkel/studio yang berkenaan.
- 6.11 Penyelidik seharusnya mematuhi waktu rehat dan makan secara bergiliran (tidak berkongsi peralatan makan) serta menjalankan solat secara berasingan dengan menggunakan barangan solat sendiri seperti sejadah, kain telekung dan tidak berkongsi dengan pengguna lain di lapangan.
- 6.12 Selepas kerja lapangan, penyelidik seharusnya mengukur suhu badan (<37.5°C) sebelum meninggalkan lokasi kerja lapangan. Penyelidik perlu membuat laporan kepada Ketua PTJ tentang bilangan dan senarai nama responden atau informan dan nombor telefon yang ditemui di lapangan.
- 6.13 Kerja lapangan di luar negara adalah tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan UKM dari semasa ke semasa.
- 6.14 CRIM berhak membuat perubahan dari semasa ke semasa dan berhak untuk mengambil tindakan atas sebarang ketidakpatuhan.

## **7.0 GARIS PANDUAN PENYELIAAN DAN LAIN-LAIN URUSAN PENYELIDIKAN**

- 7.1 Semua aktiviti penyeliaan dan lain-lain urusan penyelidikan dengan entiti penyelidikan dan inovasi iaitu CRIM, INOVASI, PENERBIT dan IDEA adalah tertakluk kepada garis panduan ini.
- 7.2 Penyelidik adalah bertanggungjawab untuk merancang aktiviti penyeliaan modal insan samada RA, GRA, Pasca Doktoral dan perbincangan dengan Malim agar KPI penyelidikan yang ditetapkan (berdasarkan jenis lantikan) masih boleh dicapai berdasarkan sumber yang ada.
- 7.3 Penyelidik perlu memastikan adanya keperluan kritikal dan keperluan asas sebelum arahan atau tugas diberikan kepada modal insan.
- 7.4 Proses penyeliaan dan perbincangan bersama modal insan adalah digalakkan untuk menggunakan cara alternatif iaitu secara atas talian untuk meminimumkan kontak.
- 7.5 Modal insan perlu sentiasa bersedia dari semasa ke semasa berdasarkan gerak kerja yang dirancang oleh penyelia serta perlu berusaha untuk mencapai KPI penyelidikan yang ditetapkan (berdasarkan jenis lantikan) menggunakan sumber sedia ada.
- 7.6 Sekiranya perlu hadir ke pejabat, penyelidik dan modal insan seharusnya memakai penutup hidung dan mulut serta membuat saringan kesihatan sendiri dengan mengukur suhu badan ( $<37.5^{\circ}\text{C}$ ) dan mengamalkan penjarakan sosial. Sekiranya terdapat gejala seperti demam, batuk, sakit tekak dan sesak nafas semasa aktiviti penyeliaan dan urusan penyelidikan, semua aktiviti penyeliaan dan urusan penyelidikan harus dihentikan. Penyelidik dan modal insan yang terlibat wajib hadir ke Pusat Kesihatan untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan. Sekiranya didapati kes COVID-19 positif, penyelidik dan modal insan yang terlibat perlu melalui proses kuarantin dengan serta-merta.
- 7.7 Entiti penyelidikan dan inovasi iaitu CRIM, IDEA, INOVASI, dan PENERBIT seharusnya menyediakan kaedah penerimaan borang permohonan / dokumen berkaitan pelantikan, pelanjutan dan penamatan dalam talian secara sepenuhnya.
- 7.8 Kakitangan entiti penyelidikan dan inovasi seharusnya mengamalkan tatacara keselamatan kesihatan dengan memakai penutup mulut dan hidung, mengamalkan penjarakan sosial dengan pelanggan dan tiada sentuhan/bersalaman dibenarkan.

- 7.9 Semua aktiviti penilaian kertas cadangan penyelidikan, pemantauan prestasi projek penyelidikan atau temuduga (lantikan zamlah dan pasca doktoral) adalah digalakkan menggunakan cara alternatif iaitu secara atas talian untuk meminimumkan kontak.
- 7.10 Proses lapor diri bagi lantikan Penyelidik Pasca Doktoral dan semua urusan yang dilakukan di kaunter Pejabat Pentadbiran CRIM perlu menjalani pengukuran suhu badan ( $<37.5^{\circ}\text{C}$ ) dengan mengamalkan penjarakan sosial dan tiada sentuhan/bersalaman dibenarkan.
- 7.11 Semua urusan dengan entiti penyelidikan dan inovasi adalah tertakluk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh CRIM dari semasa ke semasa.
- 7.12 Semua pergerakan untuk urusan penyelidikan menjangkau negeri seharusnya membuat laporan dalam MyTRACE dan MySEJAHTERA.

## 8.0 PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

- 8.1 Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Naib Canselor Bil. 6/2020 mengenai COVID-19: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan bertarikh 8 Jun 2020. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mana-mana warga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan yang sedang berkuasa. Penyelidik adalah tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa yang mana bersesuaian.
- 8.2 Garis Panduan ini juga hendaklah dibaca bersama dengan Garis Panduan Bekerja dari Rumah (*Work from Home*) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar dari semasa ke semasa. Garis Panduan ini turut dipanjangkan pemakaiannya kepada Hospital Pengajar UKM.
- 8.3 Garis Panduan ini terpakai untuk warga UKM yang ingin menjalankan aktiviti penyelidikan **mulai 10 Jun 2020** sehingga ke satu tarikh tertentu apabila ia akan dipinda mengikut keadaan semasa atau arahan daripada Kerajaan Malaysia. Bagi warga UKM yang menjalankan aktiviti penyelidikan scara bekerja dari rumah, Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (*Work from Home*) sedia ada hendaklah diguna pakai.
- 8.4 Pemakaian garis panduan ini adalah tertakluk dari semasa ke semasa kepada perubahan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan UKM. Justeru, garis panduan ini akan tidak terpakai/terbatal sekiranya berlaku sebarang perubahan arahan daripada Kerajaan Malaysia dan UKM.

## **9.0 TARIKH KUAT KUASA**

- 9.1 Garis Panduan ini berkuat kuasa **mulai 10 Jun 2020**. Ia terpakai khusus sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di UKM.
- 9.2 Garis Panduan ini tidak terpakai/terbatal sekiranya terdapat arahan/perintah baharu oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau Kerajaan selaras dengan perkembangan terkini wabak COVID-19 di Malaysia.

Berlampir: Infografik SOP Aktiviti Penyelidikan CRIM Dwi Bahasa.

### **Disediakan oleh:**

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
5 Jun 2020